

Pelan Pemulihan

Kesan COVID-19 ke atas kebebasan media, keselamatan wartawan dan daya maju media di Asia Tenggara



Pengenalan

Pandemic COVID-19 telah mendedahkan pengamal media kepada pelbagai cabaran yang dihadapi mereka di Asia Tenggara. Mereka berdepan halangan dari segi kebebasan mereka untuk membuat liputan, serta keselamatan dan ancaman terhadap kesihatan, selain soal daya maju operasi media. Wujud keperluan mendesak untuk meneroka langkah-langkah yang mampan untuk menyokong wartawan, sebagai sebahagian daripada pelan memulihkan media di Asia Tenggara.

Draf pelan pemulihan ini telah dihasilkan sebagai sebahagian projek penyelidikan “Kesan COVID-19 ke atas kebebasan media, keselamatan wartawan dan daya maju media di Asia Tenggara” yang dijalankan oleh Public Media Alliance (PMA) dengan kerjasama Asia Democracy Network (ADN), serta sokongan daripada UNESCO Bangkok dan Program Pembangunan Komunikasi Anatarabangsa UNESCO.

Berpandukan hasil kajian projek tersebut, pelan ini mengajukan beberapa cadangan langkah-langkah memajukan kebebasan media, daya maju media dan keselamatan wartawan di Asia Tenggara.

Pelan ini turut memasukkan beberapa perkara utama yang dibangkitkan dalam sebahagian daripada kajian PMA dan maklumbalas pemegang

taruh media di rantau tersebut, termasuklah:

- ▶ Menubuhkan forum serantau (bukan kerajaan) untuk mempromosi kebajikan, keselamatan dan kebebasan wartawan.
- ▶ Memperkukuh koordinasi dan komunikasi antara negara, dari sudut media.
- ▶ Menganalisa dampak pendigitalan, terutamanya impak media sosial.
- ▶ Membina usahasama yang kukuh bagi menghasilkan bahan-bahan yang bermutu tinggi dan hemat belanja.
- ▶ Memperkukuh peranan awam - menyokong penambahbaikan literasi media digital, membolehkan orang ramai untuk membezakan antara maklumat palsu dan berita yang diputarbelit.

Draf pelan berikut boleh dijadikan contoh untuk memperbaiki kerjasama strategik antara media di seluruh Asia Tenggara, dan memberdayakan mereka untuk kembali pulih serta kelestarian ketika dan selepas wabak.

1. Kebebasan Media

- ▶ Melindungi, mempromosi dan membela kebebasan media serantau dengan memperkenalkan undang-undang dan polisi yang membantu kewujudan media yang bebas. Dengan mewujudkan mekanisme yang mencukupi seperti institusi, program dan peruntukan untuk pemantauan serta pelaporan ke atas ugutan, kacau ganggu dan keganasan terhadap wartawan.
- ▶ Memastikan khidmat media awam yang bebas, bertanggungjawab dan berkesan.
- ▶ Menyokong media alternatif bagi memastikan mereka melengkapinya kerja-kerja organisasi media bebas arus perdana; serta mengisi kelompangan maklumat.
- ▶ Mempromosi literasi media digital bagi membanteras maklumat palsu atau diputar-belit.
- ▶ Memohon organisasi serantau mahupun antarabangsa yang menyokong demokrasi untuk membantu saluran media bebas serta institusi berkaitan.
- ▶ Membina dan mengekalkan semangat setiakawan serantau dalam kalangan institusi media bebas bagi menyokong kebebasan media dan melaksanakan tindakan-tindakan kolektif yang berkaitan.

2. Daya Maju Media

- ▶ Meneroka model pendanaan perniagaan yang baharu dan berdaya maju bagi memastikan kemandirian dan kelestarian media sepanjang tempoh krisis. Ini juga perlu responsif terhadap perubahan perilaku audien.
- ▶ Memastikan kebajikan petugas media, termasuk menyediakan perlindungan sosial, mental dan fizikal yang mencukupi.
- ▶ Memupuk pluralisme media dan kepelbagaian sebagai tindakbalas terhadap pemusatan pemilikan media.
- ▶ Memperkukuh latihan kemahiran media yang akan membantu dalam memudahkan anjakan organisasi ke media digital serta pelaporan yang lebih baik dan berkesan.
- ▶ Mempelbagai dan mempertingkatkan strategi bahan demi memastikan audien terus kekal bersama
- ▶ Mempertingkatkan keselamatan digital yang memanfaatkan saluran media dan audiennya

3. Keselamatan Wartawan

- ▶ Menggesa pihak kerajaan untuk memansuhkan undang-undang yang membolehkan media diugut atau merelakan keganasan terhadap wartawan.
- ▶ Menyeru penggubalan undang-undang dan dasar-dasar lain yang menjamin keselamatan wartawan serta sumber-sumber mereka pada ketika dan selepas sebarang tempoh krisis.
- ▶ Mewujudkan prosedur penilaian risiko dan keselamatan, di dalam organisasi media, termasuk pembinaan kapasiti, bagi memastikan wartawan dan sumber-sumber mereka selamat.
- ▶ Membangun mekanisme pengurusan di dalam organisasi media untuk memastikan sokongan yang mencukupi dapat diberikan kepada wartawan ketika waktu krisis.
- ▶ Mengiktiraf peranan wartawan sebagai petugas baris hadapan dan memberi mereka perlindungan dan perkhidmatan yang sewajarnya.

Diterbitkan oleh Public Media Alliance
© Public Media Alliance 2021

Idea dan pendapat yang diberikan dalam penerbitan ini adalah milik penulis dalam projek kajian berkaitan; dan bukanlah semestinya milik UNESCO, Public Media Alliance atau Asia Democracy network.

PMA mengucapkan terima kasih kepada para penulis kajian dan rakan kongsi mereka atas sumbangan masing-masing; dan terutama sekali kepada UNESCO Bangkok dan IPDC UNESCO, atas sokongan mereka.

Penyunting: Tess Bacalla dan Laxman Datt Pant

Imej muka depan: klenova / istock

Vektor: twenty1studio / Shutterstock.com

